

# Dr Mahathir perlu perjelas bentuk kerjasama bersama PN

**SHAH ALAM** - Tun Dr Mahathir Mohamad perlu memperjelaskan secara terperinci berhubung kesediaannya untuk bekerjasama dengan Perikatan Nasional (PN).

Naib Presiden Pas, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, kenyataan yang dikeluarkan

oleh bekas Perdana Menteri itu tidak jelas bentuk kerjasamanya.

“Kalau betul mahu kerjasama, beliau perlu mengikut proses ditetapkan, bukannya semudah itu. Contohnya menghubungi Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan menyatakan dengan jelas hasrat tersebut.

“Sekarang ini kita tidak tahu maksudnya, kerjasama apa, mahu pencen ke, umrah ke?? Kenyataan beliau sangat umum,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Pada Khamis, Dr Mahathir mengakui beliau kini bersedia bekerjasama dengan Pengerusi PN, Muhyiddin sekiranya kedua-dua pihak dapat mencapai matlamat sama.

Kenyataan terbaharu beliau itu sekali gus membayangkan



kedua-dua bekas Perdana Menteri berkenaan berkemungkinan boleh kembali duduk semeja selepas bermusuhan selama lebih tiga tahun.

Tambah Mohd Amar, selepas semuanya jelas, pihak kepimpinan PN perlu mengadakan perbincangan me-

ngenai perkara tersebut.

“Kena buat permohonan dahulu, selepas itu kita boleh berbincang ramai-ramai,” ujarnya.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, beliau berkata, Pas Kelantan memberi laluan kepada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) untuk menawan kerusi yang dimenangi UMNO sebelum ini pada pilihan raya negeri (PRN).

Mohd Amar berkata, perkara tersebut merupakan asas perbincangan pihaknya sebagaimana Pilihan Raya Umum (PRU) baru ini.

“Bersatu bertanding di kerusi dimenangi UMNO, Pas tanding di kerusi Pas sudah menang. Cuma di peringkat negeri ada sedikit ubah suai di peringkat akhir,” katanya pada Khamis.